

No.Ruj: UNIMEL/AKA/PENT/16

Tarikh : 19 April 2022  
17 Ramadan 1443H

Assalamualaikum wr. wbt dan Salam Sejahtera

Tajuk	<b>MAKLUMAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) SECARA BERSEMUKA BAGI SESI I 2022/2023</b>
Kepada	Semua Staf Akademik Semua Mahasiswa/i Universiti Melaka
Daripada	Pengarah Bahagian Hal Ehwal Akademik
Salinan Kepada	YBhg. Naib Canselor TNC PI Pemangku TNC HEPA Pendaftar Bendahari Semua Dekan

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN), SOP FASA 4 (Kemaskini 7 Mac 2022) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan SOP tentang kemasukan pelajar ke IPT secara fizikal yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bermula sesi 1 2022/2023 akan dilaksanakan sepenuhnya secara bersemuka dengan mematuhi SOP yang ketat.

3. Walau bagaimanapun, PdP secara hybrid boleh dilaksanakan dengan mengambil kira situasi semasa penularan Covid-19 dan seranan pelaksanaan PdP daripada Jawatankuasa Pengurusan Risiko UNIMEL. Semua makluman adalah tertakluk kepada keputusan MKN dan KPT dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan perhatian Dr./tuan/puan/mahasiswa/i di dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA MENGGAMIT DUNIA"**  
**"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,

(NOOR JEFFRI BIN ABDUL WAHAB)